



## JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH

Wisma Kewangan  
Jalan Tunku Abdul Rahman  
Beg Berkunci No. 2058  
88595 Kota Kinabalu  
Sabah, Malaysia



Tel.: 088-272000 Faks: 088-212655 E-mel: bn.jbn@sabah.gov.my

Bil. JBNS:(A):100-4/7(84)

Tarikh :01 Mac 2016

Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri  
Semua Ketua Jabatan Negeri  
Semua Ketua Badan-Badan Berkanun Negeri  
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan  
Semua Presiden Majlis Perbandaran  
Semua Pegawai Daerah  
Semua Penolong Pegawai Daerah, Pejabat Daerah Kecil  
Semua Bendahari Daerah

Y. Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

### PEKELILING JABATAN BENDAHARI NEGERI SABAH BIL.3/2016 PELAKSANAAN APLIKASI SISTEM E-LEJAR PERBENDAHARAAN KERAJAAN NEGERI SABAH

#### 1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan penggunaan Aplikasi Sistem E-Lejar Perbendaharaan menggantikan hantaran lejar perbendaharaan secara fizikal supaya dapat mempercepatkan proses penyesuaian akaun bulanan.

#### 2. LATARBELAKANG

Sistem e-lejar adalah sistem pengurusan perakaunan yang dibangunkan sebagai langkah pihak Kerajaan Negeri Sabah ke arah aplikasi perakaunan berasaskan web (*web based*). Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan penerimaan lejar perbendaharaan di setiap Kementerian/Jabatan Kerajaan secara *online* yang mana sebelum ini lejar tersebut di hantar secara pengiriman biasa, hantaran tangan dan perkhidmatan kurier. Sehubungan itu, masalah-masalah yang timbul berkaitan dengan kelewatan penerimaan lejar dapat dielakkan.

...2/-



**3. PELAKSANAAN SISTEM E-LEJAR**

**3.1 Penggunaan Sistem**

- 3.1.1 Sistem e-Lejar hanya boleh diakses oleh pegawai yang diberi kuasa/kebenaran mengikut kod jabatan dan PTJ masing-masing;
- 3.1.2 Jabatan-jabatan perlu memohon kata laluan dan nama pengguna kepada Seksyen Pembangunan Sistem, Bahagian Perancang Pembangunan Korporat Jabatan Bendahari Negeri Sabah untuk membolehkan pegawai yang diberi kuasa mengakses sistem e-lejar;
- 3.1.3 Hanya Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah yang dibenarkan membuat pengemaskinian dan pindaan keatas sistem e-lejar dengan arahan daripada Jabatan Bendahari Negeri Sabah.

**3.2 Pautan Sistem**

Sistem e-lejar ini boleh dicapai melalui *web browser* di dalam rangkaian SabahNet (intranet) atau boleh diakses atau dimuat turun/*download* terus melalui laman web JBNS.

**3.3 Pencetakan Lejar**

- 3.3.1 Pegawai yang diberikuasa hendaklah mencetak sendiri lejar mengikut kod jabatan masing-masing dengan ukuran kertas A4;
- 3.3.2 Pencetak yang digunakan adalah jenis inkjet atau laserjet.

**3.4 Penyesuaian Akaun**

Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk memastikan butiran dalam lejar tersebut adalah sama dengan butiran dalam buku daftar akaun atau buku vot Kementerian/Jabatan dan memastikan penyata penyesuaian (Borang JBN.19a, JBN.19b, JBN.19c dan JBN.19d) dihantar ke Jabatan Bendahari Negeri Sabah selepas penutupan akaun bulanan.

**4. RUJUKAN**

- 4.1 Sebarang pertanyaan mengenai data atau maklumat dalam sistem ini hendaklah dirujuk kepada **Seksyen Pembangunan Sistem, Bahagian Perancang Pembangunan Korporat**, Jabatan Bendahari Negeri Sabah, di talian telefon **088-272202**.
- 4.2 Sebarang pertanyaan mengenai bantuan teknikal sistem aplikasi tersebut hendaklah dirujuk kepada **Jabatan Perkhidmatan Komputer Negeri Sabah** melalui talian telefon **088-272256**.

**5. TARIKH BERKUATKUASA**

Pekeliling ini hendaklah dilaksanakan oleh semua Kementerian, Jabatan, Pejabat Daerah, Pejabat Daerah Kecil, Badan-Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai PTJ dalam Sistem Perakaunan Kerajaan Negeri Sabah. Penghantaran lejar secara pengiriman biasa, hantaran tangan dan perkhidmatan kurier dihentikan dan beralih kepada **Sistem e-Lejar** berkuatkuasa **Tahun Kewangan 2016** iaitu bermula lejar bulan **Januari 2016**.

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

  
**(CHUI NGGET NGO)**  
Bendahari Negeri

s.k. Pengarah  
Jabatan Audt Negara  
Kota Kinabalu